

TARIKH	SELASA, 4 JANUARI 2022
AKHBAR	BERITA HARIAN
TAJUK ARTIKEL	KERAJAAN, RAKYAT MESTI YAKIN MAMPU PIKUL CABARAN BAHARU
M/S	13
BIDANG	CIVIL SERVICES
KATA KUNCI	CIVIL SERVICES

Kerajaan, rakyat mesti yakin mampu pikul cabaran baharu

sfandy
kuzian,
umpur

Tahun 2021 ditinggalkan dengan dua krisis belum selesai, kesihatan dan ekonomi. Vaksin menjadi titik perubahan dengan lebih 24 juta rakyat sudah menerima dos pertama, manakala kes aktif masih mencecah 40,000 orang.

Tahun ini, majoriti rakyat dijangka akan menerima dos penggalak dan ubat antiviral akan mula diperkenalkan.

Adakah ini pukulan terakhir? Belum tentu. Fasa peralihan ke endemik tertangguh. Varian Omicron disifatkan lebih berisiko kerana mengandungi lebih 30 jenis mutasi protein dan potensi kebolehhangkitan lebih tinggi.

Namun, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) masih mendebatkan risiko Omicron memandangkan data Afrika Selatan menunjukkan varian ini kurang berbahaya berbanding Delta. Di Malaysia ketika ini, kes Omicron mencecah 60 angkatan.

Unjuran pertumbuhan ekonomi bergantung kepada keadaan kesihatan awam. Ekonomi negara diunjur berkembang sehingga 6.5 peratus pada 2022 berbanding anggaran tahun lalu iaitu sehingga 4 peratus.

Trajektori ekonomi didukung beberapa faktor antaranya pembukaan aktiviti lebih luas, harga komoditi, permintaan global, penggunaan swasta dan perbelanjaan awam terhadap projek infrastruktur.

Namun, kerajaan turut berwaspada dengan ruang fiskal yang kian kritikal terutama sumber pendapatan baharu, perbelanjaan besar, defisit tinggi dan hutang semakin banyak.

Dalam pada itu, landskap politik negara membawa gambaran baharu menerusi Pilihan Raya Negeri (PRN) Melaka dan Sarawak. Di Melaka, Barisan Nasional (BN) yang bergerak solo mencapai kemenangan besar, manakala Pakatan Harapan (PH) mencatat reputasi terburuk. Tidak dinafikan Perikatan Nasional (PN) mampu memberi signal baharu untuk mengisi vakum pertembungan dwiparti utama negara.

Di Sarawak, kemenangan majoriti lebih dua pertiga yang diraih Gabungan Parti Sarawak (GPS) memperlihatkan PH mengulangi prestasi buruk di Melaka. Hal ini mengundang ketidakselesaan dalam kalangan parti komponen PH.

Mungkin 2022 akan menyaksikan penyesuaian baharu dalam pakatan itu sebagai persiapan menuju Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU-15). Malah, hal yang sama mungkin akan berlaku kepada UMNO, terutama menjelang pemilihan parti tahun ini.

Tidak kurang yang ingin melihat sejauh mana jangka hayat politik Melayu-Islam yang didukung

oleh tiga parti teras, UMNO, PAS dan BERSATU.

Sifir mudah ialah kembali kepada agenda penyatuan. Namun, pergeseran api kecil tidak mustahil membakar unggun penyatuan ummah dan akhirnya persaingan politik akan kembali kepada dominasi unipolar. Hegemoni politik sesuatu parti akan mengheret semula corak politik lama.

Perspektif baharu yang boleh dinilai ialah pergolakan awam (*civil unrest*). Editor Luar Negara, The Economist, Robert Guest menuliskan, pandemik boleh menaikkan politik.

Kajian ke atas 133 negara antara 2001 hingga 2018 mendapati pergolakan politik cenderung memuncak dua tahun selepas wabak biasa bermula.

Jika ya, 2022 akan menjadi tahun yang sukar. Hal ini memungkinkan, politik tidak semestinya agresif di jalanan sebaliknya, protes kritikal boleh berlaku di media sosial.

Tiga faktor yang memungkinkannya ialah kemunculan politik Generasi Z, jumlah kelas menengah yang lebih vokal dan penggunaan media sosial.

Populisme dan pragmatik akan menjadi tema politik 2022. Tambahan pula, PRU kelak akan menjadi medan untuk mencengkam kembali penguasaan politik masing-masing.



Krisis kesihatan terus jadi cabaran utama yang perlu diurus dengan bijak oleh kerajaan dan rakyat. (Foto hiasan)

Dalam ruang pandang lain, dekad ini menuju sasaran merealisasikan Agenda 2030 yang digarap daripada dimensi politik, ekonomi, sosial dan alam sekitar.

Perubahan iklim adalah wacana penting global dan nasional. Pelestarian dan menolak degradasi alam sekitar adalah faktor pemboleh ubah kritikal bagi pembangunan dekad ini. Kita tidak lagi akan bercakap soal kesedaran, tetapi pembudayaan gaya hidup lestari.

Impak tindakan manusia terhadap alam selepas Revolusi Industri menyebabkan peningkatan gas rumah hijau, lalu mempengaruhi komposisi atmosfera. Pemanasan melampau, pencairan ais, kenaikan paras air laut dan perubahan ketumpatan hujan antara indikator yang memberi kesan langsung kepada bencana alam seperti banjir dan kemarau. Justeru, persiapan negara menghadapi bencana perlu diperkukuh lebih rapi.

Bencana banjir hujung 2021 terutama di Selangor adalah peringatan kepada semua pihak untuk memainkan peranan penting. Aspek pembangunan yang meminggirkan faktor bencana tidak lagi relevan.

Bencana banjir khususnya akan menatijahkan kesan besar terhadap golongan rentan yang hanya mengharapkan sumber pendapatan daripada aktiviti agrikultur dan pekerjaan tidak formal.

Ia akan meningkatkan ketidakseimbangan pendapatan, insiden kemiskinan dan kemelaratan hidup. Dasar perlindungan sosial akibat bencana perlu disemak semula dan tampil dengan pelan lebih komprehensif serta mengambil kira fiskal kerajaan.

Perancangan yang mengutamakan alam akan membabitkan kos besar, termasuk kesan kos berkaitan penjagaan alam sekitar. Malaysia mesti bersedia untuk mempersiapkan ekosistem baharu termasuk penganunan akta perubahan iklim, pendidikan alam sekitar dan pembiayaan yang lebih ampuh.

Namun, sesukar mana pun ia rumit dan kompleks bukan bererti kegagalan. Pembangunan pasca pandemik menuntut persediaan yang lebih luas. Banyak lagi yang perlu dirungkaikan.

Identiti bangsa, patriotisme, nilai mulia, proses pendidikan, pegangan agama, martabat bahasa, kerukunan masyarakat, institusi kekeluargaan dan pengkalan citra budaya. Konteks sudah berbeza. Pendekatan dan aktor politik juga mesti berubah.

Cabaran baharu mesti dipikul dengan kredibiliti tinggi. Adakah kita sanggup menepani dekad mencabar ini?

DISEDIAKAN OLEH

1-PN NOR SURIANI BINTI MOHD ZIN (S44), BPM
2-M.HAFIDZUDIN (S19), BPM
UNIT PERPUSTAKAAN, BPM

